

12/04/1999

Perhebat tetapkan garis panduan capai objektif IKK

KEBANYAKAN anggota tentera menamatkan perkhidmatan mereka dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selepas mencurahkan jasa dan kebaktian selama 13, 15, 18 atau 21 tahun.

Bagi mengenang jasa yang dicurahkan kepada rakyat dan tanah air, sebuah institut kemahiran ditubuhkan pada awal Februari 1982 untuk melatih bakal pesara tentera berkenaan sebelum mereka menempuh kehidupan sebagai orang awam.

Institut Kemahiran Kementah (IKK) yang diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan (Kementah), dibina dalam kawasan seluas 1.2 hektar di Kem Sungai Buloh.

Ketika awal penubuhannya, IKK hanya menawarkan lapan kursus teknikal iaitu dua jurusan Kejuruteraan Automotif, Kejuruteraan Binaan Bangunan (empat) dan Elektrik dan Elektronik (dua).

Kursus teknikal itu dilaksanakan di bawah program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) bagi penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap I dan Tahap II.

Kursus teknikal IKK mendapat sambutan baik hingga tidak dapat menampung permohonan anggota tentera yang bakal bersara. Bilik kuliah yang ada terhad, manakala sektor perindustrian negara pula memerlukan lebih ramai tenaga mahir berkecukupan di dalam pelbagai bidang.

Sehubungan itu, pada 30 Ogos 1994, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) ditubuhkan pada bagi memenuhi keperluan kemahiran teknikal perindustrian negara.

Perhebat yang diletakkan di bawah naungan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 September 1994.

Justeru, beberapa bangunan baru dibina, tenaga pengajar dan pengurusan bertambah, bidang kursus diperluaskan dan jabatan perlaksanaan pentadbiran diwujudkan.

Institut Kemahiran Kementah pula ditukar nama kepada Institut Kemahiran dan Keusahawanan.

Bagi memantapkan perkhidmatannya, Perhebat mewujudkan garis panduan tertentu bagi mencapai objektif penubuhan IKK.

Antara matlamat utama penubuhan IKK ialah memberi sokongan bersepadu yang bermutu tinggi kepada anggota ATM yang akan dan sudah bersara bagi mencapai matlamat membekalkan setiap individu dengan kemahiran perdagangan dan keusahawanan.

Jika ditinjau dengan lebih meluas lagi IKK sebagai tunggak utama Perhebat berkembang pesat terutama dengan kewujudan dan pelaksanaan beberapa kursus baru pelbagai bidang.

Perhebat juga memperkenalkan pelaksanaan Program Akademi Kemahiran Lanjutan (MASA). Program ini berlandaskan sukatan pelajaran yang diadaptasi daripada kolej Tafe (Technical And Further Education Commission), New South Wales, Australia dan mendapat pengiktirafan dari MLVK.

Sistem program MASA menjamin mutu kemahiran dan kelayakan peserta kursus kerana setiap bilik kuliah hanya menempatkan 16 peserta bagi memastikan tenaga pengajar dapat memberikan tumpuan sepenuhnya.

Alat bantuan pembelajaran yang canggih dan terkini digunakan bagi memastikan peserta kursus akan dapat bersaing dengan lulusan institusi pengajian lain yang membanjiri pasaran buruh teknikal tempatan sekarang.

Peserta yang menamatkan kursus mengikut bidang kerjaya yang dipilih akan dianugerahkan sijil Tafe serta sijil SKM tahap I dan SKM tahap II.

Perhebat bukan sahaja melaksanakan kursus dalam bidang teknikal di Kem Sungai Buloh malah kursus lain termasuk memproses bahan makanan, pemeliharaan ternakan dan landskap turut dianjurkan bersama beberapa agensi kerajaan seperti Mardi dan Jabatan Pertanian.

Kursus anjuran Perhebat dibahagikan kepada dua kategori iaitu Pra-Latihan Peralihan yang tidak melebihi sebulan dan Latihan Peralihan yang tidak melebihi 18 bulan.

Pada masa ini, Perhebat memperluaskan perkhidmatannya dengan mengadakan Kajian Tindakan Susulan.

Sistem ini bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pesara tentera yang mengikuti kursus anjuran Perhebat dan mengenal pasti sejauh manakah kejayaan mereka selepas menamatkan kursus.

Analisis statistik maklum balas yang diterima daripada 100 peserta mendapati lapan peratus daripada mereka menceburi bidang keusahawanan, pengusaha gerai makanan (21 peratus), pengusaha membuka bengkel (lima peratus), menceburi bidang pekerjaan di sektor swasta (45 peratus) dan bakinya (21 peratus) tidak dapat dikesan kerana berkemungkinan bertukar alamat kediaman.

Rumusan daripada kajian maklum balas itu mendapati Perhebat memainkan fungsi penting sebagai penyuluh jalan kepada anggota tentera yang sudah dan akan bersara.

Memandangkan misi Perhebat yang penuh dengan cabaran maka ianya berfungsi melalui enam jabatan utama iaitu:

1. Jabatan Pentadbiran dan Kewangan:

Jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan hal pentadbiran dan kewangan kakitangan Perhebat.

2. Jabatan Latihan Peralihan:

Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendaftar peserta daripada anggota ATM yang akan atau sudah bersara.

3. Institut Kemahiran Dan Keusahawanan:

Mengendalikan kursus kemahiran dalam bidang Pengurusan Perniagaan, Kejuruteraan Binaan Bangunan, Kejuruteraan Automotif, Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik, Fotografi, Percetakan dan Sajian serta Pelancongan.

4. Jabatan Penempatan dan Sumber Manusia:

Menempatkan anggota ATM yang sudah bersara serta mempunyai kelayakan dan kemahiran untuk bekerja di sektor swasta.

5. Jabatan Kebajikan:

Mengendalikan hal kebajikan anggota ATM yang bersara dan melaksanakan skim kebajikan seperti skim derma siswa kecil dan skim untuk balu angkatan tentera.

6. Jabatan Pembangunan Usahawan:

Memberi bantuan pengurusan atau modal kepada anggota ATM yang bersara dan berkelayakan serta berminat di dalam bidang perniagaan.

Anggota atau bekas tentera yang memerlukan keterangan lanjut mengenai kursus yang dianjurkan Perhebat boleh menghubungi Pegawai Unit Promosi Perhebat, Kompleks Perhebat, Kem Sungai Buloh, Peti Surat 65, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan atau menghubungi talian 03-6569412 sambungan 274, Faks 03-6570075/6566064.

(END)